

Ahad, 23 September 2018 | 1:18pm



SULTAN Johor, Sultan Ibrahim Iskandar, menerima mengadap Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Muhammad Hamdan, di Istana Bukit Pelangi. - Foto Ihsan Royal Press Office

KP Bomba menghadap Sultan Johor

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof
mohdfahmi@nstp.com.my

JOHOR BAHRU: Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar, menerima mengadap Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Muhammad Hamdan, di Istana Bukit Pelangi, di sini hari ini.

Muhammad Hamdan dilantik sebagai Ketua Pengarah yang baharu berkuat kuasa pada Jun lalu menggantikan Datuk Seri Wan Mohd Nor Ibrahim yang bersara wajib.

Dalam pertemuan selama hampir sejam itu, Muhammad Hamdan turut memaklumkan kepada Sultan Ibrahim mengenai pelantikan Datuk Yahya Madis sebagai Pengarah JBPM Johor yang baharu.

Yahya yang sebelum ini adalah Penolong Kanan Pesuruhjaya Bomba dan Penyelamat Perak, menggantikan Othman Abdullah yang kini dilantik

sebagai Pengarah Bahagian Pembangunan Bomba dan Penyelamat Malaysia di Putrajaya.

Pada akhir pertemuan itu, Muhammad Hamdan turut menyampaikan cenderahati kepada Sultan Ibrahim mewakili Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Terdahulu, baginda turut berkenan menerima mengadap Ketua Pejabat Bank Negara Malaysia (BNM) Johor Bahru yang baharu, Nor Rafidz Nazri.

Nor Rafidz yang mula berkhidmat pada 1 September lalu menggantikan Raman Krishnan yang dilantik sebagai Timbalan Pengarah BNM berkuatkuasa 1 Oktober ini.

Sumber : <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2018/09/477104/kp-bomba-menghadap-sultan-johor>